*Jurnal Personalia Pelajar Bil. 11 Jun/June 2008 (79 - 99)*

# KEPUASAN SERTA HARAPAN MENGENAI HUBUNGAN ANTARA IBUBAPA DAN ANAK: BERDASARKAN KAWALAN FUZZY LOGIC

**Mohamad Nasir Saludin**
**Rika Fatimah, P.L.**
**Tan Yin Chi**

## Abstrak

Hubungan antara ibubapa dengan anak yang mesra, erat dan berkualiti tinggi akan memberi impak yang positif kepada pembangunan sesebuah negara. Kajian ini mengkaji sama ada terdapat perbezaan antara tahap kepuasan serta tahap harapan terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak dari segi generasi, jantina dan bangsa. Sebanyak 145 responden yang terdiri daripada ibu, bapa serta remaja yang berumur antara 11 tahun hingga 21 tahun dan mereka telah menjawab borang soal selidik yang disediakan dengan lengkap. Instrumen kawalan Lojik Kabur (KLK) telah digunakan dalam kajian kerana ia memodelkan suatu sistem yang kompleks dengan lebih baik berbanding dengan model matematik. Pemprosesan data-data yang diperolehi telah dilakukan dengan menggunakan program SPSS 11.0 for windows dan Matlab 6.5 for windows. Hasil kajian ini menunjukkan tahap kepuasan yang dilaporkan oleh golongan remaja adalah lebih tinggi berbanding golongan ibubapa terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan tahap kepuasan di kalangan bangsa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan bangsa Cina dan bangsa India yang mempunyai tahap kepuasan yang sama serta tahap kepuasan dan tahap harapan bagi remaja lelaki adalah lebih rendah berbanding dengan remaja perempuan. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa senario hubungan antara ibubapa yang ada sekarang adalah tidak memuaskan sama ada kalangan remaja ataupun ibubapa. Oleh itu, kedua-dua generasi ini harus bekerjasama untuk mempertingkatkan kualiti hubungan antara ahli keluarga supaya dapat mengekalkan keharmonian keluarga.

***Abstract***

*A closer relationship between parent and child will give a positive influence to the development of the state. The present study assessed whether there is a significant differences among satisfaction and expectation of parent-child relationship from the perspective of parents and adolescents. Total of 145 respondents include mothers, fathers and adolescents who aged between 11 years old to 21 years old had been interviewed and completed a set of questionnaire. Fuzzy Logic Controller (FLC) has been used in the present study because of it is more flexible and easy to use in complicated problems compare with other mathematics methods. Processing of collected data has been used program SPSS 11.0 for windows and Matlab 6.5 for windows. Results showed satisfaction of adolescent is higher than parent's satisfaction on parent-child relationship. Besides that, results also showed that satisfaction in Malays group is higher than Chineses and Indians which have same level of satisfaction. In adolescents' group, results showed boys have lower level of satisfaction and expectation on parent-child relationship compared with girls. In general, the quality of parent-child relationship has not satisfied both generations, parents and sons. More effort is needed to improve the quality of parent-child relationship to get more favorable relationship.*

## PENGENALAN

Keluarga merupakan unit asas kepada sesebuah masyarakat dan landasan pembangunan negara. Keluarga juga memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan masyarakat yang berguna dan berakhlak baik supaya memberi sumbangan kepada negara menuju ke arah pencapaian maklamat Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju. Oleh demikian, isu-isu keluarga semakin mendapat perhatian dari pelbagai pihak agar dapat meningkatkan kualiti kehidupan keluarga dan sumbangannya dalam pembentukan modal insan yang berkualiti (RMK-9).

Secara umumnya, kualiti hubungan antara ahli keluarga bermakna kejayaan dan keharmonian interaksi di antara ahli keluarga yang dapat memenuhi kehendak atau keperluan serta melampaui jangkaan setiap ahli dalam sesebuah keluarga. Kualiti hubungan antara ahli keluarga yang tinggi dapat meningkatkan perkembangan sesebuah negara kerana ia mampu mengurangkan masalah sosial yang berpunca daripada masalah keluarga dalam sesebuah masyarakat dan negara.

Oleh demikian, kajian mengenai hubungan antara ahli keluarga adalah penting, selain daripada untuk ahli keluarga lebih memahami keadaan keluarga mereka dan meningkatkan lagi kualiti keluarga, ia juga membantu pihak pentadbiran negara untuk mencari punca masalah keluarga yang kian berlaku supaya dapat menentukan cara penyelesaian untuk mengurangkan kejadian-kejadian tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian mencakupi perbincangan mengenai subjek kajian dan analisis yang akan dilakukan.

### a) Subjek dan Instrumen Kajian

Pengumpulan data dilakukan dengan mengagihkan 160 set borang soal selidik kepada ibubapa yang mempunyai anak dan remaja yang berumur antara 11 tahun hingga 21 tahun. Diperolehi sebanyak 145 set borang soal selidik adalah layak untuk digunakan bagi keperluan analisis kajian. Jumlah tersebut mewakili 145 responden yang terdiri daripada ibu, bapa serta remaja yang berumur antara 11 tahun hingga 21 tahun telah ditemui di kawasan Bandar Baru Bangi dan Kajang.

Borang soal selidik yang diagihkan mempunyai dua bahagian utama. Bahagian pertama merangkumi maklumat latar belakang responden seperti jantina, kaum, umur dan sebagainya. Bahagian kedua mengandungi dua sukatan penting. Sukatan yang pertama merujuk pada maklumat tahap kepuasan yang dirasai responden ke atas hubungan antara ibu bapa dan anak manakala sukatan yang kedua menyukat tahap harapan yang dikehendaki responden terhadap hubungan tersebut. Selain daripada itu, bahagian ini merupakan perwakilan atribut yang disampaikan dalam 60 soalan. Perwakilan atribut ini merujuk setiap satunya kepada dimensi yang menyukat hubungan antara ibu bapa dan anak. Sembilan dimensi telah dikenalpasti yang diperolehi daripada kajian dan penyelidikan lepas kemudian diserasikan dengan objektif kajian. Dimensi-dimensi yang dimaksudkan adalah Komunikasi, Masa Bersama, Pengajaran, Keperluan Maklumat, Sokongan dan Kasih Sayang, Pengawasan, Kepercayaan, Kekecewaan dan Keyakinan.

Soal selidik kajian menggunakan Skala Likert 1 hingga 5 dengan 1 mewakili Tidak Puas Hati bagi menyukat tahap kepuasan dan Tidak Penting bagi menyukat tahap harapan manakala 5 mewakili Sangat Puas Hati bagi tahap kepuasan dan Sangat Penting bagi tahap harapan.

**b) Analisis Kajian**

Kaedah analisis yang digunakan adalah analisis statistik dan analisis Kawalan Logik Kabur (KLK). Perisian *SPSS 11.0 for windows dan Matlab 6.5 for windows* digunakan untuk memproses dan menganalisis data.

***Statistical Package for Social Science* (SPSS)**

Analisis statistik digunakan bagi analisis data-data dimensi daripada soal selidik yang layak untuk diolah. Data-data tersebut kemudian diolah dengan menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan min, mod dan varians. Tujuan untuk mencari mod adalah untuk digunakan di dalam perisian *Matlab* untuk analisis KLK seterusnya.

Selain daripada itu, analisis statistik pula digunakan untuk analisis taburan demografi, kebolehpastian dengan pekali alpha ke atas soal selidik dan analisis min untuk semua dimensi. Nilai alpha (α) yang mewakili kebolehpercayaan keseluruhan semua dimensi bagi tahap kepuasan dan tahap harapan adalah sebanyak 0.9683 dan 0.9618 masing-masing yang melebihi nilai 0.70 (Nunnally 1967). Ini menunjukkan borang soal selidik yang diagihkan adalah mampu menyukat kualiti hubungan antara ibubapa dengan anak dengan baik dari aspek kebolehpercayaan instrumen. Analisis statistik juga membandingkan tahap kepuasan dan harapan ke atas latar belakang responden mengikut generasi, jantina dan kaum juga dilakukan.

**Kawalan Lojik Kabur dengan Menggunakan *Matlab 6.5 for windows***

Aplikasi kawalan logik kabur mengandungi tiga tahap utama iaitu t*ahap pengaburan* yang merupakan pemetaan dari input jelas ke set kabur, *tahap inferensi* yang membangkitkan aturan kabur dan *tahap*

*penegasan* yang merupakan pemindahan output dari nilai kabur ke nilai jelas.

Bagi kepentingan kajian ini (Mohammad Nasir & Rika Fatimah 2004), tahap pengaburan menggunakan lengkuk PI dan lengkuk S bagi mewakili fungsi keanggotaan. Tahap inferensi menggunakan kaedah *additive (sum)* dan tahap penegasan yang menggunakan kaedah *centroid*.

## KAJIAN-KAJIAN LEPAS TENTANG KELUARGA DAN PENDEKATAN YANG DIGUNAKAN

Pelbagai kajian mengenai keluarga mengikut pelbagai latar belakang telah diterokai oleh ramai penyelidik. Strom dan Strom (2002) dalam kajiannya yang mengambilkira 1200 orang dan 2100 orang ibu dan remaja di negara Jepun dan Amerika Syarikat, mereka mendapati bahawa perbezaan pandangan antara dua generasi tersebut adalah lebih besar daripada perbezaan di antara penduduk kedua-dua negara tersebut. Ini bermaksud bahawa, perhatian harus diberikan kepada perbezaan di antara generasi dalam sesebuah negara apabila menjalankan penilaian secara berkala.

Selain daripada itu, pakar-pakar dalam isu remaja telah menasihatkan bahawa mendengar pandangan daripada remaja mengenai masalah keluarga adalah tanda penghormatan kepada remaja (Safyer, 2004). Maka, pendekatan yang lebih berkesan mengenai interaksi dalam keluarga adalah merujuk kepada pandangan daripada dua generasi iaitu penilaian diri sendiri oleh ibubapa dan pemerhatian anak ke atas ibubapa. Strategi ini dapat menghasilkan gambaran yang lebih jelas dan tepat tentang kebolehan ibubapa serta mampu mengesan keperluan maklumat dengan segera (Robbins, 1994)).

Oleh demikian, kajian ini menumpu kepada penilaian tahap kepuasan dan tahap harapan dari pandangan ibubapa dan anak ke atas hubungan antara kedua-dua generasi tersebut. Selain itu, kajian ini juga mengkaji sama ada terdapat perbezaan tahap kepuasan dan tahap harapan dari segi generasi, jantina bagi remaja dan bangsa.

Kualiti keluarga adalah sukar untuk ditentukan dan diukur berbanding dengan kualiti produk kerana sifatnya yang abstrak. Dalam

kajian Rika Fatimah et al (2005; 2007), beliau telah menggunakan pedekatan yang baru iaitu mempertimbangkan keluarga dan perkahwinan sebagai satu bentuk perkhidmatan organisasi untuk menentukan apakah keperluan utama dalam sesebuah perkahwinan. Oleh itu, kaedah pengukuran secara kuantitatif dirasa lebih sesuai bagi mengenalpasti keperluan keluarga dan menyukat tahap penambahbaikkan yang diperlukan. Adanya keutamaan dan tahap yang boleh diukur memudahkan proses mengenalpasti keatas kualiti keluarga dan menentukan usaha yang seseuai untuk dilakukan dengan kadar yang sepatutnya.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian kes ini, kaedah logik kabur digunakan untuk mengukur tahap kepuasan dan tahap harapan di kalangan ibubapa dan remaja tentang hubungan antara ibubapa dengan anak. Sistem kawalan logik kabur adalah sistem pakar waktu-nyata (*real-time expert system*) yang memanfaatkan logik kabur untuk memanipulasikan pembolehubah-pembolehubah kualitatif (Dimitrov & Korotkich 2002). Ciri operasi sistem ini dapat didefinisikan dengan lebih baik dengan menggunakan ungkapan bahasa dalam kawalan logik kabur di mana penyelesaian secara kejituan dengan angka adalah tidak sesuai digunakan.

Tiga tahap KLK iaitu pengaburan, inferensi dan penegasan. Tahap KLK yang pertama iaitu pengaburan melibatkan pemetaan dari pemasukan tegas ke set kabur yang terdiri daripada penentuan dimensi yang digunakan dan membentuk set kabur (Gluekert & Stahl 1999). Sembilan dimensi dan ruang perbincangan set kabur yang digunakan dalam kajian ini ditampilkan pada Jadual 1.

**JADUAL 1. Dimensi dan Ruang Perbincangan Set Kabur yang Digunakan**

| Fungsi | Nama Pembolehubah | Ruang Perbincangan |
|---|---|---|
| Input | Komunikasi | [0, 5] |
| | Masa Bersama | [0, 5] |
| | Pengajaran | [0, 5] |
| | Keperluan Maklumat | [0, 5] |
| | Sokongan dan Kasih Sayang | [0, 5] |
| | Pengawasan | [0, 5] |
| | Kepercayaan | [0, 5] |
| | Kekecewaan | [0, 5] |
| | Keyakinan | [0, 5] |
| Output | Tahap Kepuasan | [0, 20] |
| | Tahap Harapan | [0, 20] |

Input set kabur diperolehi daripada nilai mod tahap kepuasan dan harapan responden. Nilai input kabur untuk tahap kepuasan dan tahap harapan bagi kategori remaja peringkat awal dapat dilihat pada jadual berikut;

**JADUAL 2. Input Set Kabur Untuk Tahap Kepuasan dan Tahap Harapan Mengikut Generasi bagi Remaja Peringkat Awal**

| Dimensi | Tahap Kepuasan | | Tahap Harapan | |
|---|---|---|---|---|
| | Mod | Input Set Kabur | Mod | Input Set Kabur |
| Komunikasi | 3 | 3 | 3 | 3 |
| Masa Bersama | 3 | 3 | 3 | 3 |
| Pengajaran | 3 | 3 | 3 | 3 |
| Keperluan Maklumat | 3 | 3 | 3 | 3 |
| Sokongan dan Kasih Sayang | 4 | 4 | 4 | 4 |
| Penawasan | 3 | 3 | 4 | 4 |
| Kepercayaan | 3 | 3 | 5 | 5 |
| Kekecewaan | 3 | 3 | 3 | 3 |
| Keyakinan | 3 | 3 | 5 | 5 |

Set kabur dibentuk melalui fungsi keanggotaan yang diwakili oleh lengkuk S dan lengkuk bentuk loceng PI. Lengkuk S didefinisikan dengan menggunakan tiga parameter iaitu nilai keanggotaan *nol* (α), nilai keanggotaan lengkap (γ) dan titik *crossover* (β) iaitu titik yang mempunyai domainan 50% benar. Nilai untuk domain pada titik x ialah:

$$S(x;\beta,\gamma) = \begin{cases} 0 & \rightarrow x \leq \alpha \\ 2[(x-\alpha)/(\gamma-\alpha)]^2 & \rightarrow \alpha \leq x \leq \beta \\ 1-2[(x-\alpha)/(\gamma-\alpha)]^2 & \rightarrow \beta \leq x \leq \gamma \\ 1 & \rightarrow x \geq \gamma \end{cases}$$

Lengkuk bentuk loceng PI mempunyai darjah keanggotaan 1 yang terletak pada pusat dengan domain (γ) dan lebar lengkuk dengan (β). Nilai domain pada titik *x* ialah:

$$\pi(x;\beta,\gamma) = \begin{cases} S\left[x;\gamma-\beta,\gamma-\frac{\beta}{2},\gamma\right] & \rightarrow x \leq \gamma \\ 1-S\left[x;\gamma,\gamma+\frac{\beta}{2}+\beta\right] & \rightarrow x > \gamma \end{cases}$$

Untuk mewakili pembolehubah input, maka lengkuk S digunakan iaitu lengkuk S menurun untuk set kabur bawah Piawai/Buruk/Sedikit/Kurang/Longgar dan lengkuk S bertambah untuk set kabur atas Piawai/Baik/Banyak/Cukup/Ketat, manakala lengkuk PI pula digunakan untuk set kabur Piawai/Sederhana. Contoh perwakilan set kabur seperti yang ditunjukkan pada dimensi Komunikasi berikut;




**Rajah 1. Perwakilan Set Kabur bagi Dimensi Komunikasi**

Untuk melakukan proses perhitungan bagi set kabur untuk tiap-tiap dimensi, nilai-nilai input set kabur bagi tiap-tiap dimensi perlu dimasukkan ke dalam fungsi keanggotaan pembolehubah yang disediakan masing-masing. Berikut merupakan contoh perhitungan bagi dimensi komunikasi untuk kategori remaja peringkat awal;

Penghitungan untuk input himpunan *fuzzy* tahap kepuasan = [3]. Nilai keanggotaan *fuzzy* pada setiap himpunan adalah:

- Himpunan *fuzzy* buruk, $m_{kom\text{-}buruk}$ [3] = 0
- Himpunan *fuzzy* sederhana, $m_{kom\text{-}sederhana}$ [3] = 1-2[(3-2.75)/1.75]² = 0.96

- Himpunan *fuzzy* baik, $m_{kom\text{-}baik}$ [3] = 2[(3-2.75)/1.75]² = 0.04

Seterusnya, penghitungan untuk input himpunan *fuzzy* tahap harapan = [3]. Nilai keanggotaan *fuzzy* pada setiap himpunan adalah:

- Himpunan *fuzzy* buruk, $m_{kom\text{-}buruk}$ [3] = 0
- Himpunan *fuzzy* sederhana, $m_{kom\text{-}sederhana}$ [3] = 1-2[(3-2.75)/1.75]² = 0.96
- Himpunan *fuzzy* baik, $m_{kom\text{-}bik}$ [3] = 2[(3-2.75)/1.75]² = 0.04

Tahap KLK setererusnya adalah Inferensi dan Penegasan yang dilakukan dengan menggunakan program *Matlab with Fuzzy Tools* (*The Math Works Inc* 1995). Kaedah inferensi yang digunakan adalah *additive* (*sum*) manakala kaedah untuk penegasan adalah *centroid*. Berikut contoh pengiraan untuk menentukan nilai tegas bagi tahap kepuasan bagi kategori remaja peringkat awal. Diperolehi daerah hasil kawasan kabur yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu D1, D2 dan D3 (rujuk Rajah 2).




**Rajah 2. Kawasan Hasil Penegasan Kabur bagi Tahap Kepuasan**

Seterusnya diperolehi momen terhadap nilai darjah keanggotaan ialah M1, M2 dan M3 berturut-turut adalah *5.96, 55.69, 18.74.* pengiraan. Dengan demikian didapat luas A1, A2 dan A3 seperti contoh pengiraan berikut;

*A1 = (6.42-1) x 0.65 x 0.5*
*= 1.76*
*A2 = (14.58-6.42) x 0.65*
*= 5.3*

$$A3 = (20-14.58) \times 0.65 \times 0.5 = 1.76$$

Sebagai hasil, diperolehi nilai penegasan dengan menggunakan kaedah *centroid* atau titik pusat sebagai berikut;

$$x = \frac{5.96 + 55.69 + 18.74}{1.76 + 5.3 + 1.76} = 9.11$$

Hasil penegasan yang lebih terperinci dapat dihasilkan dengan menggunakan *Fuzzy Toolbox Matlab 6.5* dari daerah tahap kepuasan. Didapati hasil yang diperoleh secara penghitungan manual ($x$ = 9.11) menunjukkan lebih kecil daripada perhitungan pada *Fuzzy Toolbox* ($x$ = 10.2). Hal ini terjadi kerena pada pengiraan manual dilakukan pembulatan pada setiap kawasan penegasan. Berikut adalah hasil penegasan tahap kepuasan (Rajah 3) dan tahap harapan (Rajah 3) bagi setiap dimensi pada kategori generasi remaja peringkat awal.




**Rajah 3. Penalaran Sistem *Fuzzy* Dengan Kaedah *Centroid* untuk Tahap Kepuasan Kategori Remaja Peringkat Awal**




**Rajah 4. Penalaran Sistem *Fuzzy* Dengan Kaedah *Centroid* Untuk Tahap Harapan Kategori Remaja Peringkat Awal**

Interpretasi output set kabur tahap kepuasan = *10.2* bermakna mempunyai tiga tahap kepuasan dengan kadar yang berbeza-beza. Berikut contoh pengiraan kadar tahap kepuasan tersebut;

Set kabur Kecewa, $m_{kps\text{-}kecewa}$ [10.2] = $2[(10.5-10.2)/9.5]^2 = 0.002$

Set kabur Puas, $m_{kps\text{-}puas}$ [10.2] = $1-2[(10.5-10.2)/9.5]^2 = 0.998$

Set kabur Sempurna, $m_{kps\text{-}sempurna}$ [10.2] = $0$

Hasil yang didapati bermaksud meskipun seramai 99.8% responden berasa puas hati dengan terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak namun demikian masih ada seramai 0.2% responden daripada golongan remaja peringkat awal yang berasa Kecewa. Tambahan pula didapati tiada responden yang merasa Sempurna terhadap perhubungan tersebut. Ini bermakna terdapat ruang penambahbaikan sebanyak 0.2% pada tahap Kecewa untuk menjadi Puas dan matlamat bagi mencapai tahap kepuasan Sempurna.

Penghitungan dilakukan untuk output himpunan *fuzzy* tahap harapan = 13.5. Nilai keanggotaan *fuzzy* pada setiap himpunan adalah:

Set kabur Diutamakan, $m_{\text{hrp-di utamakan}}$ [13.5] = 0

Set kabur Ditingkatkan, $m_{\text{hrp-di tingkatkan}}$ [13.5] = $1-2[(13.5-10.5)/9.5]^2$ = 0.80

Set kabur Dipertahankan, $m_{\text{hrp-di pertahankan}}$ [13.5] = $2[(13.5-10.5)/9.5]^2$ = 0.20

Hasil kajian menunjukkan bahawa 0% daripada golongan remaja peringkat awal berasa perlu mengutamakan usaha untuk meningkatkan tahap kepuasan terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak, tetapi 80% daripada golongan ini berasa usaha harus dipertingkatkan lagi manakala 20% yang lain pula berasa hanya perlu mempertahankan usaha untuk mengekalkan keadaan perhubungan yang sedia ada.

Dengan demikian Indeks Lojik Kabur Tahap Kepuasan mengikut generasi, kaum dan jantina seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 manakala Indeks Lojik Kabur Tahap Harapan ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 3. Indeks Lojik Kabur Tahap Kepuasan Mengikut Generasi, Kaum dan Jantina**

| Kategori | Tahap Kepuasan | Indeks *Fuzzy Logic* |
|---|---|---|
| **Generasi** | | |
| Remaja Peringkat Awal | 10.2 | 0.2% kecewa - 99.8% puas |
| Remaja Peringkat Pertengahan | 13.5 | 80% puas - 20% sempurna |
| Remaja Peringkat Akhir | 13.5 | 80% puas - 20% sempurna |
| Ibubapa | 10.2 | 0.2% kecewa - 99.8% puas |
| **Kaum** | | |
| Kaum Melayu | 16.4 | 29% puas - 71% sempurna |
| Kaum Cina | 13.5 | 80% puas - 20% sempurna |
| Kaum India | 13.5 | 80% puas - 20% sempurna |
| **Jantina** | | |
| Remaja Lelaki | 10.2 | 0.2% kecewa - 99.8% puas |
| Remaja Perempuan | 13.5 | 80% puas - 20% sempurna |

**Jadual 4. Indeks *Fuzzy Logic* Tahap Harapan Mengikut Generasi, Kaum dan Jantina**

| Kategori | Tahap Harapan | Indeks *Fuzzy Logic* |
|---|---|---|
| **Generasi** | | |
| Remaja Peringkat Awal | 13.5 | 80% ditingkatkan - 20% dipertahankan |
| Remaja Peringkat Pertengahan | 16.4 | 29% ditingkatkan - 71% dipertahankan |
| Remaja Peringkat Akhir | 16.4 | 29% ditingkatkan - 71% dipertahankan |
| Ibubapa | 16.4 | 29% ditingkatkan - 71% dipertahankan |
| **Kaum** | | |
| Bangsa Melayu | 16.4 | 29% ditingkatkan - 71% dipertahankan |
| Bangsa Cina | 16.4 | 29% ditingkatkan - 71% dipertahankan |
| Bangsa India | 16.4 | 29% ditingkatkan - 71% dipertahankan |
| **Jantina** | | |
| Remaja Lelaki | 13.5 | 80% ditingkatkan - 20% dipertahankan |
| Remaja Perempuan | 16.4 | 29% ditingkatkan - 71% dipertahankan |

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Perbincangan kajian dibahagikan kepada tiga kategori iaitu perbincangan kajian mengikut *generasi, kaum* dan *jantina*.

### a) Tahap Kepuasan dan Harapan Hubungan Ibu Bapa dan Anak Mengikut Generasi

Perbandingan hasil kajian di kalangan remaja dan ibubapa menunjukkan tahap kepuasan kategori remaja peringkat pertengahan (14-16.99 tahun) dan remaja peringkat akhir (17-21 tahun) adalah lebih tinggi daripada kategori remaja peringkat awal (11-13.99 tahun) dan ibubapa. Remaja peringkat pertengahan dan remaja peringkat akhir memberi tahap kepuasan sebanyak 13.5 yang bermakna 80% berasa puas hati dan 20% berasa sempurna terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak,

manakala kategori remaja peringkat awal dan ibubapa pula memberi tahap kepuasan yang sama iaitu 10.2 yang bermakna terdapat 0.02% berasa kecewa dan 99.8% berasa puas hati terhadap perhubungan tersebut. Ini mengimplikasikan bahawa remaja yang berumur 14 tahun dan ke atas memberikan tahap kepuasan yang lebih tinggi berbanding dengan pandangan daripada ibubapa terhadap perhubungan tersebut.

Hasil pada kajian ini didapati tidak selari dengan hasil kajian Shek (1999) yang mengatakan remaja lelaki dan perempuan melaporkan tahap fungsi keluarga yang lebih kurang sama dengan laporan daripada ibubapa. Secara umumnya, kedua-dua generasi tersebut telah berasa puas hati terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak dan hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Strom et al. (2004) yang mengatakan anak dan ibu telah memberi tahap kepuasan yang memuaskan.

### b) Tahap Kepuasan dan Harapan Hubungan Ibu Bapa dan Anak Mengikut Kaum

Perbandingan dari segi bangsa pula, bangsa Melayu yang menunjukkan tahap kepuasan yang paling tinggi manakala bangsa Cina dan bangsa India menunjukkan tahap kepuasan yang lebih rendah dan sama di antara kedua-dua bangsa ini.

### c) Tahap Kepuasan dan Harapan Hubungan Ibu Bapa dan Anak Mengikut Jantina

Hasil kajian ini juga menunjukkan remaja lelaki mempunyai tahap kepuasan yang lebih rendah berbanding remaja perempuan iaitu sebanyak 10.2 yang bermaksud 0.02% berasa kecewa, 99.8% berasa puas hati dan tiada yang berasa sempurna terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak, manakala remaja perempuan pula memberi tahap kepuasan sebanyak 13.5 yang mengatakan 80% berasa puas hati dan 20% berasa sempurna terhadap perhubungan tersebut. Maka, tahap kepuasan di kalangan remaja perempuan adalah lebih tinggi daripada kalangan remaja lelaki. Ini mungkin disebabkan remaja lelaki merasai tidak perlu bimbingan dan komunikasi yang banyak dari ibubapa (Jennifer & Mark 2004).

Secara keseluruhannya, tahap harapan yang dilaporkan di kalangan remaja dan ibubapa adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kepuasan.

## d) Implikasi Kajian

Hasil kajian secara tidak langsung dapat memberikan maklumat yang boleh dimanfaatkan bagi keperluan mempertingkatkan kualiti keluarga melalui hubungan ibu bapa dan anak. Kualiti keluarga yang baik boleh menjayakan prestasi ahli keluarga termasuk anak yang juga berperanan sebagai pelajar di pelbagai institusi belajar. Pihak-pihak seperti pembuat polisi keluarga, pengurusan universiti, Pusat Perkembangan Pelajar, organisasi ibu bapa dan anak, dan sebagainya boleh memanfaat hasil kajian dan kaedah yang digunakan dalam proses pengambilan keputusan mereka. Selain itu kajian ini boleh digunakan sebagai panduan bagi merancang program penambahbaikkan institusi keluarga dan mempertingkatkan prestasi sumber manusia.

Hasil kajian menunjukkan bahawa senario hubungan antara ibubapa yang ada sekarang adalah tidak memuaskan sama ada kalangan remaja ataupun ibubapa. Oleh itu, kedua-dua generasi ini harus bekerjasama untuk mempertingkatkan kualiti hubungan antara ahli keluarga supaya dapat mengekalkan keharmonian keluarga Troy et al. (2005).

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi beberapa usaha boleh dilakukan bagi membantu menambahbaik kualiti hubungan ibu bapa dan anak. Usaha dapat dilakukan dengan meningkatkan komunikasi di antara setiap ahli keluarga agar dapat membantu ke arah saling memahami ahli keluarga secara mendalam serta mengurangkan perselisihan faham antara ibubapa dengan anak (Shek 1998). Penyediaan masa yang lebih banyak untuk bersama ahli keluarga boleh meningkatkan tahap kepuasan dalam dimensi masa bersama. Selain daripada itu, aktiviti pengajaran dalam isu-isu penting seperti kesihatan, penjagaan perasaan orang lain kepada anak, dapat memperbaiki kelakuan anak (Snider et al. 2004). Mementingkan dimensi sokongan dan kasih sayang yang merupakan aspek terpenting dalam menjalin hubungan yang baik di antara ibubapa dengan anak juga turut diambil perhatian. Peranan ibu bapa dalam mengurangkan pengawasan atau mengubahkan cara pengawasan yang tidak menekankan anak boleh memperbaiki ketidakpuasan anak terhadap

darjah pengawasan daripada ibubapa (Shek 2005). Tambahan pula, dengan meningkatkan kepercayaan terhadap anak boleh menambah keyakinan anak untuk mencapai kejayaan serta mengeratkan hubungan antara ibubapa dengan anak. Dengan demikian, kekecewaan antara ibu bapa dan anak boleh dicapai sehingga konflik antara ibubapa dengan anak dapat dikurangkan. Selain itu, senantiasa menunjukkan persetujuan dengan kelakuan anak yang baik akan meningkatkan keyakinan terhadap anak serta mengeratkan hubungan antara ibubapa dengan anak.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan bahawa kualiti hubungan antara ibubapa dengan anak didapati masih belum memenuhi keperluan sama ada anak mahupun ibubapa. Tahap kepuasan yang dilaporkan oleh golongan remaja adalah lebih tinggi berbanding golongan ibubapa terhadap hubungan antara ibubapa dengan anak. Tahap kepuasan di kalangan kaum Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan kaum Cina dan kaun India yang mempunyai tahap kepuasan yang sama. Tahap kepuasan dan tahap harapan bagi remaja lelaki adalah lebih rendah berbanding dengan remaja perempuan. Dimensi sokongan dan kasih sayang merupakan aspek yang paling penting dalam menjalinkan hubungan yang baik antara ibubapa dengan anak tidak kira pandangan dari segi generasi, jantina dan bangsa.

Kaedah kawalan logik kabur adalah lebih mudah digunakan berbanding dengan kaedah lain untuk mengukur kualiti hubungan antara ibubapa dengan anak. Ini disebabkan kaedah ini lebih fleksibel untuk membina aturan-aturan berdasarkan tanggapan-tanggapan pelbagai pihak yang berlainan supaya analisis yang dilakukan lebih sesuai dengan tujuannya. Kaedah kawalan logik kabur dapat mengenalpasti dimensi-dimensi hubungan antara ibubapa dengan anak yang perlu ditambahbaik atau dikurangkan.

Kawalan Lojik Kabur mampu mengukur kepuasan dan harapan hubungan antara ibubapa dengan anak dengan lebih mudah berbanding dengan kaedah yang lain. Sifat-sifat kawalan logik kabur yang lebih fleksibel membolehkan ciri operasi sesuatu sistem dapat didefinisikan dengan lebih baik dengan menggunakan ungkapan bahasa. Oleh itu,

kualiti hubungan antara ibu bapa dengan anak dapat ditentukan dan dimensi berkenaan hubungan tersebut yang berada di bawah piawai ataupun yang perlu memberi perhatian dapat dikenalpasti. Akhirnya, langkah-langkah penambahbaikan yang sesuai harus diambil untuk meningkatkan kualiti hubungan antara ibubapa dengan anak.

Adalah dicadangkan agar kajian kes ini dapat dilanjutkan lagi dengan mengumpul data-data demografi yang lain termasuk bilangan anak dalam sesebuah keluarga, pendapatan keluarga, keadaan perkahwinan ibubapa (bercerai atau tidak) untuk mengukur sama ada terdapat hubungan antara data-data demografi tersebut dengan tahap kepuasan. Selain itu, dengan mengasingkan kategori ibubapa kepada kategori ibu dan kategori bapa juga dapat menambahkan maklumat tentang sama ada terdapat perbezaan pandangan di antara ibu dengan bapa. Lantaran itu, hubungan antara remaja dengan ibu dan remaja dengan bapa dapat dikenalpasti sama ada terdapat perbezaan di antaranya.

Hasil kajian ini diharap dapat membantu mereka yang mempunyai ketidakpuasan dalam hubungan antara ibubapa dengan anak supaya mengenalpasti masalah yang ada pada mereka serta memperbaikinya dengan segera. Sesebuah keluarga yang harmoni adalah impian setiap orang dan impian ini adalah mampu dilaksanakan oleh setiap orang dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

## RUJUKAN

Dimitrov, V. and Korotkich, V. 2002. *Fuzzy Logic: A Framework for the New Millennium*, Physica-Verlag Heidelberg New York.

Gluekert, A. and Stahl, S. 1999. A Brief History of Fuzzy Logic. http://www.andrews.edu/~calkins/math/biograph/topfuzz.htm.

Jennifer, S. P. and Mark, J. B. 2004. Parent-Adolescent Relations and Adolescent Functioning: Self-Esteem, Substance Abuse, and Delinquency. *Adolescent*, 39: 519.

Mohammad Nasir Saludin dan Rika Fatimah Panjaitan, 2004. Customer Satisfaction and Expectation Approach on Regular Travel Package (RTP) in Quality Service by Design Using Fuzzy Logic Controller (FLC), *Sains Malaysiana* 33(1): 29-42.

Nunnally, Jum C., 1967. *Psychometric Theory*, Mc Graw-Hill, New York. 531-534.

Rika Fatimah P.L., Abdul Aziz Jemain, Khairul Anuar M.A, Mohd. Nasir Saludin, 2005. Marriage Deployment in Determining Priority Needs Using Quality Function Deployment (QFD): A Service Organization's Perspective Approach. ICOQSIA.

Rika Fatimah P.L., Abdul Aziz Jemain, Mohamad Nasir Saludin & Khairul Anuar Mohd Ali. 2007. Quality Marriage Deployment in Determining Priority Needs for Initiating Marriage Loyalty. *Quality & Quantity International Journa*l. Springer, Netherland. 10.1007/s11135-007-9115-1

RMK-9, Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. *http://www.epu.jpm.my/rm9/html/bahasa.htm*

Robbins, R. J., 1994. An assessment of perceptions of parental autonomy support and control: Child and parent correlates. *Unpublished Doctoral Dissertation.* http://www.psych.rochester.edu/SDT/measures/parent.html

Safyer A.W., Thompson S.J., Maccio E.M., Kimberley, M. Zittel-Palamara, dan Greg Forehand, 2004. Adolescents' and Parents' Perceptions of Runaway Behavior: Problems and Solutions, *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21(5): 495-512.

Shek T.L., 1998. Adolescents' Perception of Paternal and Maternal Parenting Styles in a Chinese Context. *The Journal of Psychology*, 132(5): 527-537.

Shek T.L., 1999. Perceptions of Family Functioning Among Chinese Parents and Their Adolescent Children. *The American Journal of Family Therapy,* 27: 303-314.

Shek T.L., 2005. Perceived Parental Control Processes, Parent-Child Relational Qualities, and Psychological Well-Being in Chinese Adolescents With and Without Economic Disadvantage. *The Journal of Genetic Psychology,* 166(2): 171-188.

Snider J.B., Andrea Clements, Vazsonyi A.T., 2004. Late Adolescent Perceptions of Parent Religiosity and Parenting Processes. *Family Process*, 43: 489-502.

Strom, R., & Strom, P., 2002. Parent and adolescent relationships in Japan and the United States. *Journal of Family Studies*, 8(1): 1-15.

Strom R.D., Strom P.S., Strom S.K., Shen Yuh-Ling dan Beckert T.E., 2004. Black, Hispanic, and White American Mothers of Adolescents: Construction of a national standard. *Adolescent,* 39: 669-686.

The Maths Works Inc., 1995. *Fuzzy Logic Toolbox.* MA: The Maths Works Inc.

Troy, B., Robert, S., Paris, S., Yang Cheng-Ta and Shen Yuh-Ling. 2005. Succes of Taiwanese Mothers in Guiding Adolescent. *Adolescent,* 40: 475-488.